

03 JUN 1999

Mahathir-Belia

ABAD KE-21 MILIK BELIA, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Khairdzir Yunus

TOKYO, 3 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata belia abad ke-21 hendaklah menganggap diri mereka sebagai warga dunia yang sebenarnya.

Beliau berkata mereka mesti melupakan soal warna kulit dan fahaman yang selalunya memberi tanggapan tentang kelebihan dan kekurangan.

"Mereka mesti berfikir mengenai kesamaan bukan dalam bentuk kekayaan material semata-mata tetapi juga rasa hormat menghormati dan kepentingan bersama," katanya pada persidangan antarabangsa "Masa Depan Asia" anjuran Nihon Keizai Shimbun (Nikkei) di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata dunia tanpa sempadan yang menjadi tempat tinggal mereka tidak sahaja perlu tanpa sempadan dalam bentuk pengaliran maklumat dan kewangan dan dalam bentuk dunia fizikal, tetapi beliau percaya, mesti juga tanpa sempadan "yang terpahat dalam fikiran kita".

"Seseorang itu mestilah dinilai berasaskan sepenuhnya kepada sumbangannya dan isi perwatakannya lebih daripada bentuk mata, warna kulit, besarnya dompet wang dan belantan dalam tangan mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata belia pada abad ke-21 mesti sepenuhnya memahami bahawa dunia ini bulat.

"Tiada negara yang sebenarnya Timur atau Barat -- kecuali dalam hubungan sesama mereka. Mereka Mesti menganggap keseluruhan planet sebagai bumi mereka, hanya sebuah negara, objek untuk ditaati sepenuhnya," katanya.

Beliau berkata mereka bagaimanapun mesti mempertahankan tradisi dan budaya nasional tetapi semua budaya adalah sama penting, sama nilai, yang perlu dihormati oleh semua orang, satu masyarakat dalam dunia manusia.

"Belia hari ini, pembina masa depan, mesti tidak korup. Mesti bertenaga sepenuhnya. Maralah ke hadapan. Binalah. Ciptalah dunia yang lebih baik daripada yang mampu dibina oleh kita, generasi lebih dewasa ini," katanya.

-- BERNAMA

KHY LAT